

27 SEP 2002

PM-India/I

PERDANA MENTERI DIJADUAL LAWAT INDIA PADA 16 DAN 17 OKT

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan dua hari ke India pada 16 dan 17 Okt, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata lawatan itu jelas menunjukkan hasrat Malaysia untuk memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara.

"Hubungan rapat antara kedua-dua pemimpin dan hubungan mesra antara rakyat kedua-dua negara dalam mewujudkan kesedaran lebih tinggi, diterjemahkan dalam bentuk kerjasama lebih rapat antara kedua-dua pihak dalam bidang meliputi pelaburan, pendidikan, sains dan teknologi dan lain-lain," katanya semasa merasmikan mesyuarat ketiga suruhanjaya bersama Malaysia-India di sini hari ini.

Katanya India merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia di Asia Selatan dengan perdagangan dua hala pada tahun lepas berjumlah RM8,928 juta (US\$2,349 juta), dengan baki perdagangan berjumlah RM3,058 juta (US\$805 juta) memihak kepada Malaysia.

"Bagaimanapun, jumlah keseluruhan perdagangan dua hala itu mencatatkan penurunan berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM10,069 juta (US\$2,650 juta)," katanya.

Syed Hamid berkata dari Januari hingga Jun tahun ini, jumlah perdagangan adalah sebanyak RM4,171 juta (US\$1,098 juta) dengan eksport dan import, masing-masing sebanyak RM2,939 juta (US\$773 juta) dan RM1,232 juta.

"Mengenai pelaburan, Malaysia terlibat secara aktif dalam projek pembinaan di India, seperti pembinaan lebuh raya. Syarikat-syarikat Malaysia juga terlibat dalam pelbagai projek bernilai RM11.6 bilion," katanya.

Mesyuarat pertama Suruhanjaya Bersama Malaysia-India diadakan pada 1993 diikuti mesyuarat kedua di New Delhi dua tahun lepas.

Syed Hamid berkata agenda mesyuarat hari ini bertumpu pada isu-isu dua hala bersama seperti perdagangan, pelaburan, pendidikan, pertahanan, pertanian, sains dan teknologi.

"Saya yakin kami akan dapat membincangkan semua isu itu secara mesra dan terbuka, dan berdasarkan sikap konstruktif kedua-dua pihak, kami percaya mesyuarat ini akan memberikan hasil yang memuaskan dalam mencapai objektif kami bagi membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA
AZH AHH RHM